

Dakwat kekal dalam PRU13

Menjawab isu ketelusan dan integriti pilihan raya

Sinar 26/2/13 ms 17

WAN AHMAD WAN OMAR
Timbalan Pengerusi SPR

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan menggunakan dakwat kekal untuk mencalit jari pengundi dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13). Ini bertujuan mengelak kemungkinan ada cubaan pengundi (tidak bertanggungjawab) untuk mengundi lebih dari sekali di tempat mengundi berlainan. Keputusan guna dakwat kekal jika dilihat dari sudut tahap kemajuan sesebuah negara, sebenarnya meletakkan Malaysia dalam kumpulan yang sama dengan beberapa negara lain yang kurang maju seperti Afrika atau sama seperti negara-negara penduduk ramai seperti India, Pakistan, Bangladesh dan Indonesia. Negara-negara berkenaan terpaksa guna dakwat kekal pada hari pengundian untuk mencalit jari pengundi kerana mereka tidak mempunyai keupayaan atau belum dapat menyediakan daftar pemilih untuk pilihan raya yang kemas kini dan bersandarkan kepada satu pengkalan data rasmi terkini. Jari mereka yang telah mengundi ditanda dengan dakwat kekal selama beberapa hari di kulit atau di kuku. Cara ini, individu tidak boleh menipu untuk mengundi lebih dari sekali.

Kemajuan bidang teknologi maklumat di Malaysia telah memberi keupayaan dan kepakaran kepada Pendaftaran Negara (JPN) untuk mewujudkan suatu pengkalan data yang sistematik bagi menyimpan semua rekod warganegara secara selamat. Dengan bersandarkan pengkalan data di JPN, daftar pemilih yang disediakan SPR sekarang sudah tentu mempunyai rekod warganegara yang sah dan tulen, tidak harus dipertikaikan kesesiahannya oleh mana-mana pihak.

Beberapa negara demokrasi besar di dunia yang menggunakan dakwat kekal pada hari pengundian, penggunaannya adalah

berkenaan mempunyai jumlah rakyat dan pengundi terlalu ramai. Untuk melaksanakan satu sistem pendaftaran rakyatnya secara menyeluruh bagi mewujudkan sistem pengkalan data yang lengkap dan kemas kini belum dapat diusahakan. India mempunyai 750 juta pengundi, Pakistan (120 juta), Bangladesh (80 juta), Indonesia (130 juta), Filipina (50 juta) dan Mexico (60 juta) semua terpaksa menggunakan dakwat kekal untuk memastikan tidak berlaku penipuan mengundi lebih dari sekali di pusat-pusat mengundi yang berlainan. Kesahihan sesuatu maklumat pengundi dalam daftar pemilih sewajarnya boleh dipertikai oleh parti-parti politik kerana ketiadaan suatu pengkalan data pusat sebagai sumber rujukan untuk agensi yang menguruskan pilihan raya dalam menyediakan daftar pemilih bagi seluruh negara. Negara-negara berkenaan juga tidak mempunyai sistem Kad Pengenalan berbentuk canggih yang mengandungi *identifiser* unik yang membezakan seorang pengundi dengan pengundi lain seperti yang terdapat di negara kita.

Sesuatu daftar pemilih yang tidak bersandarkan kepada pengkalan data warganegara yang berpusat seperti di JPN, maka tidak mungkin daftar pemilih yang disediakan itu sahih dan mengandungi setiap maklumat pengundi yang dikemas kini bagi setiap kawasan pilihan raya. Sebagai jalan penyelesaian dalam pilihan raya, penggunaan dakwat kekal merupakan satu-satunya kaedah yang mudah dan murah.

Dalam PRU 13 ini, kaedah sama akan diperkenalkan oleh SPR - dakwat kekal akan digunakan untuk mencalit satu tanda di hujung jari telunjuk kiri pengundi sebaik nama dan no kad pengenalnya disemak serta sah. Bagi pengundi yang cacat anggota jari seperti ketiadaan jari telunjuk kiri, calitan akan dibuat di jari lain. Jika pengundi tidak

mata untuk memastikan semua yang datang mengundi diwajibkan jarinya dicalit dengan dakwat kekal. Pengundi yang enggan jarinya dicalit, kertas undi tidak akan dikeluarkan.

Tanda dakwat di jari akan kekal di kulit dan kuku pengundi selama beberapa hari. Dengan tanda dakwat kekal di jari, pengundi yang telah mengundi tidak akan dapat menipu atau menyamar untuk cuba mengundi di tempat lain (seandainya ada rekod pendaftaran berganda dalam daftar pemilih yang belum sempat dikesan untuk dikeluarkan). Walaupun SPR bersetuju guna dakwat kekal, ini tidak bermakna sistem pendaftaran sekarang boleh mengizinkan seseorang individu itu mendaftar dua kali. Ini adalah kerana sistem pendaftaran pemilih yang dijalankan oleh SPR menggunakan *identifiser* 12-angka No Kad Pengenalan yang unik maka adalah mustahil No 12 angka No Kad Pengenalan itu dikeluarkan kepada dua Kad Pengenalan yang berlainan atau kepada dua warganegara yang berlainan.

Langkah untuk menggunakan dakwat kekal dalam pilihan raya dapat menjawab fitnah politik oleh pihak-pihak tertentu yang membuat tohmahan atau persepsi bahawa wujudnya 'pengundi hantu' yang keluar mengundi. Mereka yang membuat dakwaan sedemikian sebenarnya golongan yang tidak dapat menerima kekalahan dalam proses demokrasi. Jika benar wujud pendaftaran berganda, rekod-rekod berkenaan akan dapat dikesan dengan mudah kerana *identifiser* 12 angka adalah unik bagi setiap warganegara yang mendaftar. Daftar Pemilih juga disemak secara berterusan berasaskan pengkalan data rekod di JPN, semua rekod yang berganda akan dapat dikesan. Mana-mana rekod yang berganda dan palsu akan dikeluarkan.

SPR tidak menafikan bahawa penipuan oleh pihak tertentu dalam urusan pendaftaran boleh berlaku. Mungkin terdapat individu

Tidak ada mana-mana negara di dunia yang ada daftar pemilih 100 peratus bersih. Contoh negara kita, apabila nama seorang pemilih dibersihkan kerana meninggal, pada hari sama orang lain pula meninggal atau hilang layak, tetapi nama masih belum sempat dikeluarkan dari daftar pemilih berkenaan. Pembersihan daftar pemilih ialah proses dijalankan SPR secara berterusan sepanjang masa.

Selain itu, perbuatan untuk menipu supaya dapat mengundi lebih dari sekali tidak semudah didakwa oleh pihak-pihak yang menggunakan tohmahan tersebut untuk memperlekehkan SPR. Seseorang yang datang mengundi akan disemak teliti oleh kerani-kerani SPR di tempat pengundian serta dipantau oleh ejen-ejen parti yang hadir di situ. Kad Pengenalan dan identiti pengundi seperti rupa, umur setiap pengundi disemak oleh kerani pengundian bagi memastikan pengundi yang datang itu merupakan pemilik MyKad tulen dan pengundi sebenar.

Ada pihak yang membuat fitnah politik kononnya berlaku pengundian berganda. Hakikatnya dalam sejarah pilihan raya di negara ini tidak pernah terbukti, sama ada di dalam atau di luar mahkamah di mana-mana bahawa ada individu mengundi lebih dari sekali. Dakwaan hanya kedengaran daripada calon-calon atau oleh parti yang kalah selepas pilihan raya. Semuanya tidak dapat dibuktikan dalam petisyen-petisyen pilihan raya di mana-mana mahkamah. Propaganda dan dakyah tersebut berterusan setiap kali pilihan raya selesai kerana tujuannya untuk menimbulkan keraguan dan persepsi buruk terhadap daftar pemilih dan SPR. Dalam pilihan raya, persepsi negatif pengundi digunakan untuk mempengaruhi pengundi dalam membuat pilihan pada hari mengundi. Inilah dorongan menyebabkan pihak-pihak yang kalah sentiasa memperlekehkan daftar pemilih sebagai alasan kekalahan dalam pilihan raya.



terpaksa kerana
negara

mempunyai jari, calitan tanda dakwat akan dibuat di mana-mana bahagian lengan yang boleh dilihat. Selepas jari pengundi dicalit barulah kertas undi dikeluarkan kepadanya. Dakwat perlu dicalit sebelum kerani SPR mengeluarkan kertas undi adalah semata-

“Tanda dakwat di jari akan kekal di kulit dan kuku pengundi selama beberapa hari. Dengan tanda dakwat kekal di jari, pengundi yang telah mengundi tidak akan dapat menipu atau menyamar untuk cuba mengundi di tempat lain (seandainya ada rekod pendaftaran berganda dalam daftar pemilih yang belum sempat dikesan untuk dikeluarkan).”

yang mungkin berjaya mendaftar di dalam dua kawasan pilihan raya berlainan seperti anggota tentera/polis bersara yang mendaftar sebagai pemilih awam menggunakan Kad Pengenalan awam. Walaupun begitu, perlu diingat bahawa pembersihan daftar pemilih dibuat SPR secara berterusan untuk mengesan rekod-rekod berkenaan dengan kerjasama pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan PDRM. Jika ada rekod yang diragui atau rekod-rekod yang telah disah meninggal dunia atau hilang kelayakan sebagai pengundi mengikut undang-undang, maka ia dikeluarkan dari daftar. Purata sebanyak 30,000 nama pemilih dipotong dari daftar pemilih setiap suku tahun atas sebab kematian atau sebab-sebab lain mengikut undang-undang ditetapkan. Walaupun banyak masalah dan kekangan yang terpaksa dihadapi dalam usaha membersihkan daftar pemilih, daftar pemilih induk (DPI) yang akan diguna pakai dalam PRU13 ini adalah daftar pemilih yang bersih dan kemas kini.

Keputusan SPR untuk menggunakan dakwat kekal dalam PRU13 merupakan jawapan kepada tohmahan isu-isu pengundian berganda dan pengundi hantu yang dijadikan alasan apabila kalah dalam pilihan raya. Walaupun dakwat kekal akan digunakan pada PRU13, saya percaya isu ketelusan proses pilihan raya dan sikap tidak mahu menerima kekalahan dalam pertandingan tidak akan berakhir. Selagi calon-calon bertanding tidak bersikap positif menerima kekalahan dan selagi pihak-pihak tertentu menyimpan sikap buruk sangka terhadap SPR serta proses pilihan raya, selagi itu alasan demi alasan akan terus kedengaran.

Langkah SPR untuk guna dakwat kekal adalah satu keputusan yang betul dan sesuai dalam keadaan sekarang sebagai kaedah untuk menghakis keraguan rakyat tentang ketelusan dan integriti proses pilihan raya. Dakwat kekal yang digunakan ini semata-mata untuk menghalang penipuan daripada mengundi lebih dari sekali.